



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM 100-1/3/2 Jld. 1 (31)
Tarikh : 29 Julai 2024

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 8 TAHUN 2024

PELAKSANAAN *MAXIMISING* HIGHLY IMMERSIVE PROGRAMME (HIPMaX) *CHAT IN ENGLISH* DAN *MALAYSIAN FOLKLORE STORYFEST* DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2024

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Maximising Highly Immersive Programme (HIPMaX) *Chat in English* (CiE) dan *Malaysian Folklore Storyfest* (MFS) di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2024.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan program Highly Immersive (HIP) bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) pada tahun 2016. Program ini bertujuan menyediakan persekitaran bahasa Inggeris yang kondusif di institusi pendidikan untuk membolehkan warga institusi pendidikan menghayati dan menggunakan bahasa Inggeris secara menyeluruh.

3. Mesyuarat Pengurusan Top 7 Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2024 bertarikh 21 Februari 2024 telah meluluskan Pelan Pemerksaan Pendidikan Bahasa Inggeris 2024-2025. Pelan Pemerksaan Pendidikan Bahasa Inggeris 2024-2025 (3PBI) merangkumi pemerksaan HIP dengan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan HIPMaX CiE dan MFS.

4. HIPMaX merupakan peluasan kepada HIP bawah Inisiatif #107 Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelaksanaan HIPMaX bertujuan meningkatkan kemahiran lisan dan keyakinan murid untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. HIPMaX diperkasakan dengan memberikan tumpuan kepada komunikasi lisan bahasa Inggeris dan pelibatan rakan strategik di institusi pendidikan secara maksimum. Program ini merupakan sebahagian daripada 3PBI yang memberikan tumpuan kepada peningkatan penguasaan kemahiran bertutur dan membaca dalam kalangan murid.

5. *Chat in English* akan melibatkan semua institusi pendidikan dan akan dibekalkan dengan Kit Pemula HIPMaX CiE yang dikongsikan secara digital. Kit ini boleh dicapai melalui pautan https://bit.ly/moe_hipmax.

6. Bengkel MFS secara dalam talian ditawarkan kepada semua institusi pendidikan manakala, bengkel secara bersemuka akan dikendalikan untuk institusi pendidikan yang dikenal pasti. Penyertaan pertandingan MFS *story-telling* dan *theatre* adalah dialu-alukan bagi semua institusi pendidikan yang berminat.

7. Tatacara Pelaksanaan *Maximising Highly Immersive Programme (HIPMaX) Chat in English* dan *Malaysian Folklore Storyfest* yang disertakan bersama-sama surat siaran ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak institusi pendidikan berhubung pelaksanaan HIPMaX CiE dan MFS.

8. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2016: Pelaksanaan Highly Immersive Programme (HIP) Bahasa Inggeris di Semua Institusi Pendidikan di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2016 bertarikh 20 Jun 2016.

9. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

10. YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tatacara Pelaksanaan *Maximising Highly Immersive Programme (HIPMaX) Chat in English dan Malaysian Folklore Storyfest*

1. Aktiviti HIPMaX adalah Fokus ke-2 dalam Pelan Pemerkasaan Pendidikan Bahasa Inggeris 2024-2025 (3PBI). Objektif HIPMaX adalah untuk meningkatkan kompetensi murid dalam kemahiran bertutur bahasa Inggeris di samping membina keyakinan diri serta menerapkan nilai dan budaya Malaysia ke arah melahirkan generasi MADANI yang fasih berbahasa Inggeris dan mempunyai nilai karamah insaniah yang tinggi.

2. Dua aktiviti utama HIPMaX ialah ***Chat in English dan Malaysian Folklore Storyfest***.

2.1 *Chat in English (CiE)*

2.1.1 Semua institusi pendidikan bawah KPM melaksanakan CiE. Aktiviti ini akan dijadikan sebagai program tahunan dan tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pada tahun tersebut.

2.1.2 Pengetua dan guru besar perlu memastikan CiE dilaksanakan di institusi pendidikan dengan menggunakan pendekatan satu institusi pendidikan yang melibatkan semua guru dan murid.

2.1.3 CiE memberi fokus kepada kemahiran lisan bahasa Inggeris melalui komponen aktiviti luar kelas dan gerak jangkau.

2.1.4 CiE adalah aktiviti bahasa Inggeris komponen luar kelas yang perlu dilaksanakan seperti di bawah:

2.1.4.1 Semua institusi pendidikan rendah dan institusi pendidikan menengah bawah KPM yang mempunyai persekitaran bahasa Inggeris yang baik iaitu Tahap 3 dan

Tahap 4 akan melaksanakan CiE selama seminggu dalam setiap bulan.

2.1.4.2 Semua Institusi Pendidikan Berasrama Penuh dan Institusi Pendidikan Menengah Kebangsaan Agama akan melaksanakan CiE secara dwimingguan iaitu pada minggu pertama dan minggu ketiga pada setiap bulan.

2.1.4.3 Semua institusi pendidikan yang mempunyai persekitaran bahasa Inggeris yang rendah iaitu Tahap 1 dan Tahap 2 perlu melaksanakan CiE secara dwimingguan, iaitu pada minggu pertama dan minggu ketiga pada setiap bulan. Pelaksanaan aktiviti CiE di institusi pendidikan berkenaan akan dibantu dan diselia oleh School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+) bagi memastikan pelaksanaan aktiviti yang lebih berkesan. English Language Teaching Centre (ELTC) turut akan membantu dalam pelaksanaan aktiviti CiE.

2.1.5 KIT Pemula CiE boleh dimuat turun melalui pautan https://bit.ly/moe_hipmax.

2.2 ***Malaysian Folklore Storyfest (MFS)***

2.2.1 MFS merupakan aktiviti tahunan yang ditawarkan kepada institusi pendidikan rendah dan menengah KPM yang terpilih. Input akan diberi melalui 16 jam sesi perbengkelan secara dalam talian dan beberapa sesi secara bersemuka bagi zon yang dikenal pasti mengikut keperluan dan kesesuaian. Acara kemuncak MFS melibatkan pertandingan bercerita dan pementasan. Walau bagaimanapun, pertandingan MFS hanya akan melibatkan institusi pendidikan yang mendaftar untuk mengambil bahagian sahaja.

- 2.2.2 MFS melihat kepada pembentukan karakter melalui penghayatan dan pembacaan karya sastra cerita rakyat Malaysia di samping memberi peluang kepada murid untuk menggunakan bahasa Inggeris dengan lebih meluas dalam konteks yang pelbagai.
- 2.2.3 Konsep: Kem Pembelajaran secara dalam talian bagi semua institusi pendidikan dan secara bersemuka bagi institusi pendidikan yang dikenal pasti bertujuan untuk membantu murid:
- 2.2.3.1 menghayati, memahami dan mengupas cerita rakyat;
 - 2.2.3.2 membuat interpretasi dan menulis skrip;
 - 2.2.3.3 mempelajari seni persembahan dan pementasan; dan
 - 2.2.3.4 membuat promosi bagi produksi mereka di pelbagai pelantar media sosial dan digital.
- 2.2.4 MFS juga memberi peluang kepada murid yang berminat untuk menyertai pertandingan bercerita dan pementasan teater.
- 2.2.5 Pertandingan bercerita:
Terbuka kepada peserta individu
- Rendah : Murid Tahun 4, 5, dan 6
 - Menengah Rendah : Murid Tingkatan Peralihan, 1, 2 dan 3
 - Menengah Atas : Murid Tingkatan 4 dan 5
- 2.2.6 Pertandingan Pementasan Teater
Terbuka kepada Peserta Berkumpulan
- Rendah : Murid Tahun 4, 5, dan 6
 - Menengah Rendah : Murid Tingkatan Peralihan, 1, 2 dan 3
 - Menengah Atas : Murid Tingkatan 4 dan 5

- 2.2.7 Pertandingan diadakan di peringkat zon seperti berikut:
- 2.2.7.1 Zon Utara
 - 2.2.7.2 Zon Tengah
 - 2.2.7.3 Zon Timur
 - 2.2.7.4 Zon Selatan
 - 2.2.7.5 Zon Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan
- 2.2.8 Pertandingan di peringkat zon memerlukan peserta menghantar karya mereka melalui rakaman video kepada pihak urus setia yang dilantik oleh ELTC bagi setiap sesi pertandingan.
- 2.2.9 Pemenang bagi setiap kategori di peringkat zon akan dibawa ke pertandingan secara bersemuka MFS Grand Finale.